



## ISLAM AGAMA PERPADUAN DAN PERDAMAIAN



IBNI A

MAJL  
AHLI-AHLI



## ANAK-ANAK ASNAF DIBERI BIASISWA BAITULMAL 2015



PENYERAHAN DANA  
WAKAF SARAAN

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT :

Dr. Amiruddin bin Muhamed

### KETUA EDITOR:

En. Wan Abdul Halim Hafidz b. Mohd Amin

### EDITOR:

En. Shamsul Anuar bin Zakaria

### JURUFOTO:

En. Mohd Syakirin bin Jalaludin  
En. Bukhairi bin Abd. Rahman

### EDARAN:

Unit Perhubungan Korporat

### DITERBITKAN OLEH:

Unit Perhubungan Korporat  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.  
Tel: 05-2084000  
Faks: 05-2414257

Laman web: [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)  
Emel: [korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)  
Facebook: Zakat Perak - MAIPK

© Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## DARIPADA MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Segala puji bagi Allah yang mentadbir seluruh alam ini. Salam dan selawat ke atas Rasulullah SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan umat Islam.

Kita sudah melangkah masuk tahun 2015. Tinggal lima tahun lagi Malaysia akan mencapai Wawasan 2020. Oleh itu, pihak MAIPK sedang mempersiapkan daripada pelbagai aspek bagi menyambut ketibaan Wawasan 2020 dengan pencapaian yang membanggakan. Pencapaian daripada aspek jumlah pungutan dan agihan zakat serta wakaf tunai dan pembangunan hartanah.

Adakah umat Islam khususnya di Negeri Perak sudah bersedia untuk terus menunaikan zakat serta menyumbang melalui wakaf tunai?

Kita tidak perlu berasa bimbang kerana mengeluarkan harta demi zakat dan wakaf tunai kerana Allah sudah berjanji untuk menggantikan harta tersebut berlipat kali ganda. Bahkan, kesan amalan menunaikan zakat serta menyumbang melalui wakaf tunai dapat mempertingkatkan sosio ekonomi ummah di Negeri Perak. Semoga Allah Taala sentiasa mengurniakan ganjaran kepada umat Islam yang mengeluarkan hartanya demi zakat dan wakaf tunai.

Sekian, Salam Hormat.



WAN ABDUL HALIM HAFIDZ  
BIN MOHD AMIN

## KANDUNGAN

**SEMASA**

**3 - 13**

**BERITA SANA SINI**

**14 - 15**

**STATISTIK**

**16**



## ISLAM AGAMA PERPADUAN DAN PERDAMAIAAN

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah bertitah sempena dengan Majlis Penganugerah Watikah Lantikan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 13 Februari 2015 di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Baginda bertitah mengenai kepentingan dakwah yang bukan sekadar untuk mengembangkan syiar Islam, malah lebih penting untuk menyerlahkan gambaran Islam yang sebenar.

"Islam agama yang mementingkan perpaduan dan perdamaian; Islam agama yang menganjurkan kesederhanaan dan menolak keganasan; Islam agama yang menghormati perbezaan dan tidak memusuhi kelainan; Islam agama yang menegaskan keadilan dan menjunjung prinsip kesaksamaan. Setiap umat Islam adalah pendakwah. Dakwah dalam bentuk perbuatan lebih berkesan daripada dakwah yang disampaikan secara lisan. Dakwah dalam bentuk perbuatan akan dapat memberikan contoh teladan untuk dapat dilihat secara nyata; ia lebih meyakinkan. Dakwah Islamiah boleh dilakukan oleh setiap umat Islam dengan menyempurnakan tugas

secara jujur - secara ikhlas, secara amanah – secara berintegriti, secara adil - secara saksama, secara ihsan - secara kemanusiaan; bersandarkan keinsafan bahawa setiap perbuatan yang dilakukan akan dicatat oleh Malaikat KIRAMAN KATIBIN seperti yang diperingatkan dalam ayat 10 dan ayat 11 Surah Ar-Ra'd, ayat 80 Surah Az-Zukhruf, ayat-ayat 16, 17 dan 18 Surah Qaaf, serta ayat 10 Surah Al-Infithaar. Sesungguhnya setiap niat - setiap perbuatanyang dilakukan secara terbuka atau terselindung akan dicatat oleh Malaikat KIRAMAN KATIBIN, catatan yang akan diperiksa dan diadili pada hari kebangkitan nanti. Setiap urusan kerja, setiap urusan niaga, setiap janji, setiap timbangan, setiap ucap kata akan dapat memenuhi agenda dakwah jika ia disempurnakandengan amal yang bersandarkan niat semata-mata kerana ALLAH Subhanahu Wata'ala selaras dengan peringatan yang terkandung dalam ayat 162 Surah Al-An'aam bermaksud:

"Katakanlah: Sesungguhnya sembahyang ku dan ibadat ku, hidup ku dan mati ku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam"

Baginda turut bertitah bahawa, umat Islam wajib difahamkan dengan kandungan Al-Quran. Aspek-aspek pemahaman, apresiasi, penghayatan dan amalan diberi penekanan. Sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan apresiasi ummah serta usaha untuk menangani sebarang salah faham masyarakat umum terhadap Al-Quran, Baginda menitahkan seboleh-bolehnya dalam situasi yang sesuai, acara-acara yang dianjurkan oleh Istana dan Kerajaan Negeri hendaklah dimulakan dengan membaca beberapa petikan ayat Al-Quran, dikembarkan dengan maksud ayat yang dibaca. Ayat yang dipilih tidak perlu panjang tetapi terdiri daripada ayat-ayat yang ada kaitan dengan sesuatu acara yang dianjurkan.





## LANTIKAN YANG DIPERTUA DAN ANGGOTA-ANGGOTA MAIPK

IPOH – Majlis Pengurniaan Watikah Lantikan Yang Dipertua dan Anggota-Anggota MAIPk telah diadakan pada 13 Februari 2015 di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berkenan menyempurnakan majlis tersebut. Pada majlis tersebut, Watikah Lantikan Yang Dipertua dikurniakan kepada YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YAB. Menteri Besar Perak, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri serta YABhg. Mufti Negeri Perak.



## PEMBANGUNAN HARTANAH MAIPK DI IPOH DAN SUNGAI SIPUT

IPOH – Sempena dengan Majlis Pengurniaan Watikah Lantikan Yang Dipertua dan Anggota-Anggota MAIPk yang diadakan pada 13 Februari 2015 di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan, pihak MAIPk turut mengadakan Majlis Tandantangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Pihak MAIPk dengan UDA Waqf Sdn. Bhd dan PKEINPk Sdn. Bhd dengan RNE Plantation Sdn. Bhd. DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berkenan menyaksikan majlis tersebut. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YAB. Menteri Besar Perak, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Dipertua MAIPk serta YABhg. Mufti Negeri Perak.

MoA antara pihak MAIPk dengan UDA Waqf Sdn. Bhd. berkaitan dengan projek pembangunan tanah milik MAIPk di Mukim Hulu Kinta, Ipoh berkeluasan 1.86 ekar bersebelahan Kompleks Islam Darul Ridzuan. Tanah ini akan dibangunkan dengan pembangunan bercampur yang melibatkan bangunan komersial dan pangsapuri. Projek ini dijangka bermula pada tahun ini. Satu lagi tanah milik MAIPk yang akan dibangunkan di lokasi Mukim Sg. Siput, Kuala Kangsar. Tanah tersebut berkeluasan lebih kurang 5 ribu ekar dibangunkan dengan tanaman getah balak. Hasil tanaman tersebut digunakan sebagai saraan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Negeri Perak. Semoga dengan termeterainya dua MoA ini akan menggerakkan momentum pembangunan hartanah milik MAIPk demi kebijakan dan pembangunan sosio ekonomi umat Islam di Negeri Perak.



## SENARAI NAMA YANG DIPERTUA, ANGGOTA-ANGGOTA DAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

1. YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin Yang Dipertua MAIPK
2. YB. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
3. YB. Puan Rohana binti Abd Malek Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
4. YB. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal Pegawai Kewangan Negeri Perak
5. YB. Dato Drs. Mohd Nizar bin Haji Zakaria Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak
6. YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria Mufti Negeri Perak
7. YAA. Dato' Haji Muhammad Asri bin Haji Abdullah Ketua Hakim Syarie Negeri Perak Darul Ridzuan
8. YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar
9. YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi al-Akiti Felo Pusat Pengajian Islam Oxford, UK
10. YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan
11. YABhg. Dato' Seri Ismail bin Shahudin Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan
12. YBhg. Dato' Zainal Adzam bin Abd. Ghani Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan
13. YDH. Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari Orang Besar Jajahan Hulu Perak
14. YDH. SCP Dato' Haji Osman bin Haji Salleh Ketua Polis Perak
15. YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi Rektor Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah
16. YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin Pengarah Jabatan Agama Islam Perak
17. YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar Bin Syed Aznan Jamalullail Pengerusi PKEINPK
18. YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed Presiden / Ketua Eksekutif Asia e University
19. YBhg. Dato' (Dr.) Haji Abd Malek bin Awang Kechil Presiden dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
20. YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
21. YBhg. Dato' Haji Md Salleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
22. YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
23. Dr. Amiruddin bin Muhamed Setiausaha Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



## BANTUAN BENCANA BANJIR MASYARAKAT ORANG ASLI TASIK BANDING

BANTUAN BENCANA BANJIR MASYARAKAT ORANG ASLI TASIK BANDING - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK bersama-sama dengan Orang Besar Jajahan Hulu Perak menziarahi dan menyantuni mangsa banjir iaitu masyarakat orang asli di Tasik Banding pada 06 Januari 2015. Turut menyempurnakan program ini ialah MAIPK Daerah Gerik serta para mubaligh Islam. Para rombongan menggunakan bot bagi membawa bantuan-bantuan asas kepada masyarakat di sana. Keadaan paras air di tasik ini masih tinggi dan banyak rumah serta kemudahan masyarakat Orang Asli di sini ditenggelami air. Didoakan agar semua saudara kita di sini tabah menghadapi ujian dan terus istiqamah dalam menerima dakwah Islam.



## PROGRAM JEJAK ASNAF ZAKAT MAIPK DAERAH IPOH

IPOH- Sebagai usaha untuk mendekati golongan asnaf khususnya yang melibatkan golongan miskin bandar, pihak MAIPK telah mengadakan program Jejak Asnaf Zakat MAIPK pada 24 Februari 2015 bagi memastikan golongan sasaran ini menerima bantuan yang sewajarnya. Antara lokasi-lokasi yang dilawati ialah Taman Harmoni, Buntong, Kg Tersusun Sg Tapah, Taman Kledang Jaya dan Kg Che Zainal Tambahan 1, Chemor. Program ini telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK YBhg. Dr. Amiruddin bin Muhamed serta disertai oleh Pengurus Besar Bahagian Zakat MAIPK, Ustaz Bakri bin Lee serta pekhidmat-pekhidmat MAIPK yang lain. Sebanyak enam keluarga telah disantuni sepanjang program ini dijalankan. Bantuan-bantuan yang berkaitan meliputi Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Bina Rumah dan Bantuan Perubatan. Terima kasih kepada semua pembayar zakat, golongan asnaf dapat disantuni dan dibantu dengan sewajarnya.





## JEJAK ASNAF MAIPK DAERAH LENGGONG

**LENGGONG** - MAIPK Daerah Lenggong melaksanakan satu program yang dinamakan Jejak Asnaf MAIPK 2015 pada 09 Mac 2015. Sebanyak lima buah rumah dilawati yang mana kesemua mereka bukan dari kalangan para penerima bantuan MAIPK. Mereka adalah merupakan asnaf yang baru dikenalpasti hasil tinjauan, siasatan serta risikan ke serata daerah Lenggong berdasarkan maklumat awam. Rombongan Jejak Asnaf diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dr. Amiruddin bin Muhamed diiringi oleh Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, pekhidmat-pekhidmat MAIPK, penghulu-penghulu mukim serta ketua-Ketua kampung yang berkaitan. Rombongan bergerak menaiki kereta secara berkonvoi dan ada rumah yang dilawati terpaksa menaiki bot untuk sampai ke lokasi. Setiap rumah yang dilawati diberikan sumbangan wang tunai serta barangan keperluan harian.

Program ini diadakan bertujuan untuk menziarahi, menyelami serta mendengar keluh kesah kesusahan yang dialami mereka agar bantuan-bantuan yang diperlukan dapat disalurkan bagi mengurangkan tanggungan kesusahan yang dihadapi mereka. Di samping bantuan diberikan, ia juga merupakan salah satu bentuk usaha bagi mempromosi zakat kepada masyarakat dalam Daerah Lenggong.





## PU YEOP SEBAGAI DUTA WAKAF MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

**Ipo**, 28 Januari 2015 – Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dr. Amiruddin bin Muhamed telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Agihan Wakaf Saraan di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan Ipo. Majlis Agihan Wakaf Saraan pada kali ini melibatkan 41 penerima manfaat wakaf saraan dengan jumlah agihan sebanyak RM 484,489.56.

Penerima manfaat wakaf saraan terbanyak ialah Masjid Daerah Sultan Idris II, Teluk Intan sebanyak RM 84,240.00 diikuti dengan SRAR Al-Maskan, Simpang Empat Hutan Melintang sebanyak RM 56,000.00 dan Masjid Sultan Yussuf Izzuddin Shah, Seri Iskandar RM 40,052.00.

Wakaf saraan merupakan aset yang diwakafkan oleh pewakaf bagi tujuan menyara institusi tertentu seperti masjid, surau, rumah anak yatim, tanah perkuburan, sekolah agama dan sebagainya lagi. Di dalam konteks ini, MAIPK selaku pemegang amanah kepada aset wakaf ini akan membangunkan aset-aset yang diwakafkan tersebut dan hasilnya akan diagihkan semula kepada penerima manfaat selaras dengan hasrat pewakaf itu sendiri.

Pada majlis ini turut diadakan Pelantikan Duta Wakaf MAIPK bagi tahun 2015, iaitu Ustaz Mohd Zainudin Bin Mohamed Zaini atau lebih dikenali dengan panggilan PU Yeop. Beliau yang terkenal dengan tagline "nyeghongin-nyeghongin juge..moh kite beramal" dilantik oleh MAIPK untuk mempromosi amalan berwakaf di kalangan umat Islam di Negeri Perak terutamanya wakaf tunai yang dapat digunakan untuk membangunkan sosio-ekonomi umat Islam. Terkini, hasil sumbangan wakaf tunai oleh masyarakat Islam di Negeri Perak, MAIPK akan membina sebuah pusat hemodialisis serba lengkap berkonsepkan wakaf di Taiping. Projek yang dijangka akan dimulakan pembinaannya pada tahun ini merupakan pusat hemodialisis wakaf yang pertama di Negeri Perak Darul Ridzuan.



## RAJA BERPERLEMBAGAAN



**IPOH** – Pada 10 Mac 2015, pihak MAIPK menganjurkan satu program Executive Talk bertajuk Raja Berperlembagaan di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Pihak MAIPK menjemput YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal bin Kling bagi memberikan pengisian berkenaan tajuk tersebut. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB. Pegawai Kewangan Negeri Perak, Mufti Negeri Perak dan beberapa Anggota Majlis turut hadir ke program tersebut. Dalam program tersebut, YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal Kling telah menerangkan secara jelas dan tuntas mengenai Raja Berperlembagaan di Malaysia. Kedudukan dan hubungan raja dan rakyat di Malaysia adalah istimewa. Para peserta bagi program ini terdiri daripada pekhidmat-pekhidmat institusi agama Islam di Negeri Perak.





## ANAK-ANAK ASNAF MENERIMA SKIM BIASISWA PELAJARAN



IPOH, 17 April 2015- Seramai 100 orang pelajar telah terpilih untuk menerima Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPK 2015 yang berlangsung di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Majlis penyampaian skim tersebut disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBrs. Dr Amiruddin Bin Muhamed. Antara tetamu kehormat yang hadir termasuklah Encik Khairil Anwar Bin Yacob @ Yaakub, Penolong Pengarah (Tajaan dan Biasiswa) Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Puan Hajjah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK.

Bermula tahun 2012 sehingga kini, seramai 257 orang pelajar meliputi 90 buah sekolah seluruh Negeri Perak menerima wang biasiswa MAIPK di mana kesemua pelajar tersebut terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Para pelajar yang menerima biasiswa ini dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan oleh pihak MAIPK iaitu keputusan UPSR, Ujian Pendidikan Islam Tahun 6, tahap penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum serta maklumat pendapatan keluarga. Sebanyak RM1 ribu disalurkan kepada setiap pelajar setiap tahun sehingga mereka tamat pengajian di tingkatan 5.

Semoga dengan berkat dan kesucian wang daripada dana zakat yang disalurkan ini dapat menggalakkan para pelajar supaya terus berusaha dalam pelajaran dan maju dalam apa jua bidang yang diceburi. Kejayaan mereka pada masa akan datang, insyaAllah dapat mengubah dan mengeluarkan keluarga mereka daripada kelompok fakir dan miskin.

## PELANCARAN PRODUK ASNAF DI STADIUM PERAK

IPOH – MAIPK terus mempergiatkan usaha meningkatkan ekonomi asnaf melalui Program PROPER A. Salah satu pengisian program ini ialah para peserta yang terdiri daripada asnaf didedahkan dengan aspek jualan dan promosi. MAIPK dengan kerjasama pihak FAMA menyediakan satu lot di Pasar Tani Stadium Perak yang diadakan pada hari Sabtu setiap minggu. Penyediaan lot itu dapat memudahkan produk-produk yang dihasilkan oleh para peserta PROPER A dijual kepada masyarakat. Selain itu, masyarakat dapat terus berhubung dengan para peserta untuk membuat tempahan produk-produk mereka. Pelancaran lot istimewa itu diadakan pada 28 Mac 2015. Pelancaran tersebut disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengurus Besar Zakat dan Khidmat Pengurusan MAIPK.

"Saya berterima kasih kepada MAIPK dan juga pembayar zakat kerana menyediakan ruang dan peluang untuk saya pasarkan produk saya. Saya tidak akan mensia-siakan peluang dan bantuan ini demi masa depan saya sekeluarga". Begitulah luahan salah seorang peserta PROPER A MAIPK.





## PROGRAM ZIARAH MAHABBAH POS KUALA MU, LASAH, SUNGAI SIPUT (U), PERAK

**Sungai Siput (U)** - MAIPk Daerah Kuala Kangsar dengan kerjasama Persatuan Pendakwah dan Orang Asli Islam Kuala Kangsar telah menganjurkan Program Ziarah Mahabbah ke perkampungan orang asli di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput (U) pada 17 dan 18 April 2015 lalu. Program merupakan salah satu aktiviti dalam gerak kerja dakwah Islamiyyah yang dilaksanakan oleh Muballigh-muballigh dan Penggerak-penggerak Masyarakat Orang Asli yang bertujuan untuk menyampaikan risalah dakwah kepada masyarakat orang asli di negeri ini, khususnya di kawasan Kuala Kangsar dan Sungai Siput.

Program ini disertai oleh 50 peserta yang terdiri daripada kakitangan MAIPk yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, MAIP, para muballigh dan penggerak masyarakat orang asli daerah Kuala Kangsar dan sukarelawan. Antara pengisian program bersama dengan orang asli ialah majlis pernikahan tiga pasangan pengantin orang asli, pengislaman sebahagian penduduk orang asli, ziarah dakwah ke rumah-rumah penduduk Kg. Kuala Mu, Kg Gapeh Hulu, Kg Gapeh Hilir, Kg Toh dan Kg Bersah, gotong-royong mengecat dua buah rumah, sukaneka dan perlawanan persahabatan bolasepak antara rombongan dan penduduk-penduduk orang asli. Pihak MAIPk turut mengadakan penyampaian bantuan pakaian sekolah dan wang saku untuk 70 orang pelajar yang berasal daripada Kg. Kuala Mu, Kg Gapeh Hulu, Kg Gapeh Hilir, Kg Toh dan Kg Bersah yang belajar di SMK Clifford dan SMK Raja Perempuan Kelsom, K. Kangsar berjumlah RM15,400.00, bantuan bagi menampung pembinaan surau Kg. Bersah berjumlah RM35,000.00, bantuan peralatan surau Kg. Bersah berjumlah RM7,000.00 dan bantuan barangan makanan berjumlah RM4,200.00. Keseluruhan bantuan yang diagihkan ialah RM61,600.00.





## PENERIMA BANTUAN BINA RUMAH MAIPK DI MANJOI

**IPOH** – Program Jejak Asnaf Daerah Ipoh pada 28 Februari 2015 menyelami kesulitan dan kesukaran kehidupan yang dialami oleh masyarakat. Salah satu keluarga yang dijejaki oleh Skuad Jejak Asnaf yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK iaitu Puan Hamsiah binti Mohd Yusoff menerima khabar gembira dari pihak MAIPK apabila permohonan beliau menggantikan rumahnya sedia ada telah diluluskan. Puan Hamsiah, seorang ibu tunggal yang tinggal bersama dengan bonda dan tiga orang anaknya mendiami rumah yang begitu uzur keadaannya, di mana hampir separuh daripada kediamannya dimamah anai-anai. Beliau yang bekerja sebagai pencuci pejabat tidak mampu untuk membaiki rumahnya kembali kepada keadaan yang selamat dan sempurna. Justeru, apabila beliau dan keluarganya dilawati oleh Skuad Prihatin Asnaf melalui Program Jejak Asnaf, beliau mengutarakan permohonan membaiki rumahnya. Pihak MAIPK membuat pertimbangan bukan membaiki rumahnya, tetapi menggantikan rumahnya dengan sebuah rumah yang baharu di atas tapak yang sama mengikut plan rumah bantuan MAIPK.

"Alhamdulillah, makkik rasa sangat bersyukur kepada Allah SWT di atas rezeki ini, juga rasa sangat gembira dapat berteduh di bawah rumah baru ini," ujar Puan Hamsiah.

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Bantuan Bina Rumah MAIPK diadakan pada 23 April 2015 bagi penyerahan secara rasmi rumah yang dibina untuk Puan Hamsiah. Rumah baharu mula dibina pada pertengahan Mac 2015 selama lima minggu termasuklah penyediaan bekalan elektrik dan air. Bonda serta anak-anaknya gembira apabila dapat menduduki rumah baharu yang selamat dan sempurna. Terima kasih kepada semua pembayar zakat, inilah salah satu bantuan yang diuruskan oleh pihak MAIPK di bawah Program Pembangunan Sosial.





## PENGEMBARAAN KEMBARA MAIPK 2015

**PARIT BUNTAR** – Pada tahun ini Kembara MAIPK 2015 diadakan di Zon Utara Perak yang melibatkan empat daerah iaitu Parit Buntar, Selama, Bagan Serai dan Taiping. Program selama empat hari itu bermula 27 April 2015 di Parit Buntar dan berakhir di Taiping melibatkan 70 peserta dengan 17 kenderaan pelbagai jenis, termasuk motosikal berkuasa tinggi. Kembara MAIPK ini adalah satu program tahunan yang diadakan oleh MAIPK bertujuan menyemarakkan usaha pihak MAIPK turun padang bagi merasai sendiri kepayahan dan realiti kesukaran yang dihadapi oleh golongan asnaf. Di samping itu, masyarakat menyedari wang zakat yang dipungut disalurkan kepada golongan asnaf yang memerlukan.

RM3.39 juta diagihkan dalam program tahun ini. Bentuk bantuan zakat yang diagihkan melibatkan Bantuan Bina Rumah, Bantuan Persekolahan, Bantuan Modal Perniagaan, Bantuan Pembangunan Islam, Bantuan Perubatan dan serta barangan dapur. Bantuan Bina Rumah merupakan jumlah bantuan yang tertinggi diagihkan iaitu RM2.15 juta dengan jumlah 51 orang penerima bagi empat daerah tersebut. Kemudiannya diikuti Bantuan Persekolahan berjumlah RM847,450.00 untuk 3,201 orang penerima, Bantuan Pembangunan Islam berjumlah RM145,000.00 kepada 14 buah termasuk masjid, surau, sekolah agama rakyat dan rumah anak yatim. Seterusnya Bantuan Modal berjumlah RM85,212.00 untuk 18 orang penerima, Bantuan Bulanan berjumlah RM42,850.00 untuk 81 orang penerima, Bantuan Perubatan berjumlah RM11,450.00 untuk lima orang penerima dan bantuan barangan dapur berjumlah RM11,250.00 bagi 125 orang penerima. Berikut dipaparkan ringkasan aktiviti utama yang dianjurkan sempena dengan program ini.

### Hari Pertama - Daerah Parit Buntar / Daerah Selama (27 April 2015)

- Executive Talk oleh Ustaz Latib bin Talib
- Majlis Perasmian Kembara MAIPK 2015 di Pasaraya Mydin, Parit Buntar disempurnakan oleh KPE MAIPK dan Orang Besar Jajahan Kerian.
- Ceramah Perdana di Mini RTC Sungai Seputeh, Selama.

### Hari Kedua - Daerah Selama / Daerah Bagan Serai (28 April 2015)

- Penyampaian Bantuan Pembangunan Islam, Bantuan Bina Rumah, Baik Pulih Rumah, Penyampaian Sijil Waqaf dan sumbangan dalam Daerah Selama dan Bagan Serai.
- Ceramah Perdana oleh YBhg. Ustaz Muhammad Fawwaz bin Md Jan di Dewan Taman Serai, Bagan Serai.





## Hari Ketiga – Daerah Bagan Serai / Taiping (29 April 2015)

- Program gotong-royong mengecat masjid serta membersihkan tanah perkuburan di Masjid Al-Riduan, Telok Medan, Bagan Serai.
- Program Jalinan Mahabbah bersama warga emas di Pondok Pengajian Al-Ridwaniah, Telok Medan, Bagan Serai.
- Program Huluran Kasih bersama anak-anak yatim Rumah Anak Yatim Ummu Suffiah, Sungai Tinggi, Taiping.
- Ceramah Perdana oleh YBhg. Ustaz Syed Yusruddin bin Haji Osman di Masjid Daerah Taiping.



## Hari Keempat – Daerah Taiping (30 April 2015)

- Kuliah Dhuha oleh YBhg. Ustaz Muhammad Asyraf bin Mohd Ridzuan (Imam Muda) di Dewan MPT, Taiping.
- Perasmian Penutup Program Kembara MAIPK 2015 serta penyampaian Bantuan Bulanan, Bantuan Bina Rumah, Bantuan Modal, Bantuan Persekolahan dan Sijil Waqaf oleh YABhg. Orang Besar Jajahan Taiping, Toh Muda Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Encik Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan.





BERITA SANA SINI



Lawatan dari Majlis Agama Islam Johor bagi sumbangan mangsa banjir di Negeri Perak pada 09 Januari 2015



Majlis Penyampaian Bantuan Bulanan Asnaf Fakir dan Miskin Daerah Parit Buntar pada 29 Januari 2015.



Ops Siasatan Permohonan Zakat Daerah Batu Gajah di Masjid Daerah Batu Gajah pada 21 Januari 2015



Program Tafaqquh Fiddin (Wakaf) bersama Haji Asad, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada 05 Februari 2015.



Majlis Penyampaian Motorsikal Roda Tiga kepada penerima oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK pada 27 Januari 2015.



Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Bulanan dan Motivasi Asnaf Daerah Ipoh pada 24 Februari 2015.







Majlis Penyampaian Bantuan Bulanan bersama Pembayar Zakat Daerah Taiping pada 26 Februari 2015.



Sumbangan pencetak warna dan komputer riba kepada mubaligh-mubaligh pada 10 Mac 2015.



Program Ramah Mesra bersama Peserta Usahawan Inkubator Asnaf MAIPK 2014 pada 27 Februari 2015.



Taklimat Amil Zon Tengah pada 14 April 2015.




Perhimpunan Bulanan MAIPK Bil. 01/2015 pada 10 Mac 2015.



Taklimat Amil Harta dan Profesional Zon Selatan pada 15 April




## PUNGUTAN ZAKAT 2014\*



\* Angka-angka tersebut belum diaudit.

ZAKAT	JUMLAH (RM)
PERNIAGAAN	35,862,280.03
PENDAPATAN	35,526,707.10
TANAMAN	2,349,836.34
EMAS DAN PERAK	547,922.38
TERNAKAN	72,665.00
FITRAH	8,161,210.00
HARTA	32,067,911.44
<b>JUMLAH</b>	<b>114,588,532.29</b>

## AGIHAN ZAKAT 2014\*



\* Angka-angka tersebut belum diaudit.

ASNAF	JUMLAH (RM)
AMIL	17,702,694.70
FAKIR MISKIN	74,316,239.57
MUALLAF	6,527,175.63
GHORIMIN	1,226,187.36
IBNU SABIL	998,959.54
FISABILILLAH	29,548,437.90
<b>JUMLAH</b>	<b>130,319,694.70</b>

## WASIAT RAJA-RAJA MELAYU

**WASIAT** yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada **5 Ogos 1957** itu ialah:

- ☑ Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU** (sekarang dikenali dengan nama *Malaysia*).
- ☑ Kami isytiharkan dan kami simpan untuk anak cucu kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, **TANAH SIMPANAN MELAYU** sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- ☑ Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan **REJIMAN ASKAR MELAYU** selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- ☑ Kami kekalkan dan kami jamin kerajaan dan **KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU** memerintah negara ini.
- ☑ Kami isytiharkan **ISLAM** adalah agama Persekutuan.
- ☑ Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah **BAHASA MELAYU**.
- ☑ Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU** dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).